

## SPRM selesai siasat kes Hakim Mohd Nazlan

**SHAH ALAM** - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) selesai melakukan siasatan kes melibatkan Hakim Mahkamah Rayuan, Datuk Mohd Nazlan Mohd Ghazali.

Menurut SPRM, kertas siasatan telah dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara pada 18 Mei 2022 lalu untuk kajian dan arahan selanjutnya.

“Siasatan yang bermula sejak Mac lalu telah dilengkapkan dengan mengumpulkan bukti-bukti berkaitan mengikut panduan dan prosedur yang ditetapkan.

“Sehubungan itu, kertas siasatan telah dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara pada 18 Mei 2022 lalu untuk kajian dan arahan selanjutnya,” menurut SPRM dalam satu kenyataan pada Sabtu.

Siasatan terhadap Mohd Nazlan dimulakan berhubung dakwaan wang yang tidak dapat dijelaskan dalam akaunnya.

Hakim Mohd Nazlan telah membuat satu laporan polis pada 21 April berhubung artikel berita disiarkan portal berita yang mendakwa beliau sedang disiasat berhubung pemindahan wang yang tidak dapat dijelaskan ke dalam akaun banknya.